

18/02/1998

Usah tolak teknologi baru: TPM

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta masyarakat supaya tidak menolak teknologi terbaru yang canggih walaupun ada kalanya ia mempunyai kesan negatif.

Timbalan Perdana Menteri berkata, rakyat perlu bersedia mengambil langkah perlu dalam menghadapi cabaran mengurangkan implikasi negatif hasil kecanggihan teknologi.

Menurut beliau, kerajaan mengambil pendekatan positif dalam menggalakkan teknologi inovatif seperti digerakkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerusi Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Seluruh pendekatan MSC tidak lain dan tidak bukan ialah memperkenalkan kemudahan teknologi canggih dengan pelbagai masalah dan implikasi positif dan negatif yang mesti kita tangani.

"Semangatnya ialah untuk memperkenalkan pembaharuan dan bersedia mengambil langkah perlu supaya kita dapat mengurangkan masalah.

"Saya percaya pada prinsipnya, kita harus menggalakkan teknologi inovatif dalam bidang sains dan teknologi," katanya berucap merasmikan sebuah pusat pemeriksaan jantung, Heartscan (M) Sdn Bhd di sini, hari ini.

Hadir sama isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Pengerusi Heartscan (M) Sdn Bhd, Tan Teik Sin.

Heartscan (M) Sdn Bhd menawarkan perkhidmatan pemeriksaan awal jantung menggunakan mesin terbaru yang julung kali diperkenalkan di rantau ini, "Electron Beam Computed Scanner" (EBCT).

Teknologi itu menggunakan sinaran x-ray untuk meneliti keadaan jantung dengan merakamkan 60 imej jantung dalam sekali proses penahanan nafas.

Mengenai teknologi berkenaan, Anwar menganggap aspek pencegahan penyakit termasuk jantung dengan penyediaan pelbagai peralatan diagnostik bagi mengelakkan masalah besar.

(END)